



**BAHAGIAN PELAJARAN
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
SEKOLAH INTEGRASI RENDAH AGAMA JAWI (SIRAJ)
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

1. Apakah itu SIRAJ?

Sekolah Integrasi Rendah Agama JAWI atau singkatannya SIRAJ merupakan sebuah sekolah rendah arus perdana yang beroperasi di bawah kelolaan dan pengurusan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

2. Adakah SIRAJ merupakan institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)?

Tidak.

3. Apakah status SIRAJ?

SIRAJ berstatus Sekolah Rendah Agama Negeri (SRAN) yang didaftarkan di bawah Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) JAKIM dan merupakan Sekolah Bantuan Modal Agensi Kerajaan iaitu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

4. Adakah SIRAJ merupakan sekolah swasta yang didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)?

Tidak. SIRAJ merupakan Sekolah Rendah Agama Negeri (SRAN) yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Negeri (JAWI) dan Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

5. Apakah kurikulum yang digunakan di SIRAJ?

- i. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- ii. Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI); dan
- iii. Kurikulum Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

6. Apakah mata pelajaran/ subjek yang akan dipelajari di SIRAJ?

- i. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)
 - a) Tahun 1 – 6:
 - ✓ Bahasa Melayu
 - ✓ Bahasa Inggeris
 - ✓ Matematik
 - ✓ Sains
 - ✓ Pendidikan Islam
 - ✓ Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan
 - ✓ Pendidikan Seni Visual
 - ✓ Pendidikan Muzik
 - ✓ Bahasa Arab
 - b) Tahun 4 – 6:
 - ✓ Sejarah
 - ✓ Reka Bentuk dan Teknologi

- ii. Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) dan Kurikulum Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)

Mata Pelajaran	Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA)	Kurikulum Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)
Tilawah Al-Quran	✓	✓
Hafazan/ Tahfiz Al-Quran	✓	✓
Tajwid	✓	-
Hadith	✓	-
Tauhid/ Aqidah	✓	✓
Feqah/ Ibadah	✓	✓
Akhlak/ Adab	✓	✓
Sirah	✓	✓
Jawi	✓	✓
Khat	✓	✓
Bahasa Arab	✓	✓

7. **Adakah murid perlu mengikuti/ menghadiri Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) atau Sekolah Rendah Agama (SRA) setelah memasuki SIRAJ?**

Tidak.

8. **Adakah wujud SIRAJ lain di Wilayah Persekutuan?**

Ya. Terdapat 5 buah SIRAJ sedia ada yang telah beroperasi lebih 7 tahun di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu

- i. SIRAJ Saidina Uthman Bin Affan, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur;
- ii. SIRAL Al-Alusi, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur;
- iii. SIRAJ Abdullah Ibnu Abbas, Kampung Pasir, Kuala Lumpur;
- iv. SIRAJ Abu Dzar Al-Ghiffari, Jinjang, Kuala Lumpur; and
- v. SIRAJ Abdullah Ibnu Mas'ud, Presint 19, Putrajaya

9. Bilakah masa operasi/ waktu persekolahan SIRAJ?

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

- i. 7.30 pagi sehingga 4.30 petang (Isnin – Khamis)
- ii. 7.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari (Jumaat sahaja)

Wilayah Persekutuan Labuan

- i. 7.30 pagi sehingga 4.30 petang (Isnin – Khamis)
- ii. 7.00 pagi hingga 11.30 pagi (Jumaat sahaja)

10. Di mana lokasi SIRAJ Labuan?

SIRAJ Labuan akan beroperasi di SRA Al-Mustaqim, Lubuk Temiang

11. Adakah terdapat yuran wajib bulanan dikenakan kepada murid SIRAJ?

Tiada yuran wajib bulanan dikenakan kepada murid. Walau bagaimanapun, pihak sekolah dibenarkan membuat kutipan bayaran bagi pakej perkhidmatan penyediaan makanan di kantin atau kutipan sumbangan khas seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pembelian peralatan projek murid bagi subjek RBT dan Sains, Pakaian Sukan dan lain-lain dengan kebenaran Bahagian Pelajaran, JAWI.

12. Siapakah tenaga pengajar di SIRAJ?

Tenaga pengajar SIRAJ terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Skim DG) lantikan secara tetap dan berpencen dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang kompeten, berwibawa serta berpengalaman dalam bidang masing-masing.

13. Apakah keistimewaan yang ada pada SIRAJ?

- ✓ Murid akan menerima bantuan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Bantuan Awal Persekolahan (BAP) dan peruntukan aktiviti pembangunan Baitulmal MAIWP;

- ✓ Murid akan dilindungi di bawah Skim Takaful Insuran secara percuma setiap tahun;
- ✓ Pelaksanaan operasi satu sesi persekolahan daripada pagi hingga petang yang menggabungkan ketiga-tiga jenis kurikulum;
- ✓ Penggunaan satu sekolah/ premis sahaja untuk mengikuti sesi pembelajaran akademik dan agama;
- ✓ Penekanan terhadap amali Fardu Ain dan Al-Quran;
- ✓ Pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan aktiviti luar bilik darjah yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek;
- ✓ Pengurusan murid yang sistematik dan terancang;
- ✓ Pelibatan murid secara langsung dengan aktiviti-aktiviti kerohanian anjuran JAWI, MAIWP dan JAKIM;
- ✓ Bantuan kebaikan dan penyediaan kemudahan daripada JAWI dan MAIWP.

14. Apakah potensi murid SIRAJ di peringkat pendidikan menengah?

Selepas tamat tahun 6, murid SIRAJ yang berkelayakan boleh meneruskan pendidikan menengah di sekolah-sekolah seperti berikut:

- ✓ Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMA MAIWP)
- ✓ Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA)
- ✓ Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)
- ✓ Sekolah Berasrama Penuh (SBP)
- ✓ Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)
- ✓ Kelas Aliran Agama (KAA)
- ✓ Sekolah Menengah Kebangsaan (harian)

15. Bilakah tarikh permohonan dibuka?

Permohonan kemasukan ke Tahun 1 SIRAJ Labuan adalah sepenuhnya secara atas talian melalui pautan yang disediakan bermula **3 Januari 2024** sehingga **19 Januari 2024**.

16. Siapakah yang layak untuk memohon dan apakah syarat atau kriteria penilaian untuk murid layak masuk ke SIRAJ?

- ✓ Kanak-kanak warganegara Malaysia yang lahir pada 2 Januari 2017 sehingga 1 Januari 2018;
- ✓ Sihat tubuh badan;
- ✓ Telah berdaftar dengan mana-mana sekolah kebangsaan KPM;
- ✓ Menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira;
- ✓ Menguasai asas membaca al-Quran;
- ✓ Menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi; dan
- ✓ Lulus dalam **Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S)**.

17. Apakah tindakan ibu bapa selepas membuat pengisian permohonan secara atas talian?

Ibu bapa perlu menyemak dan mencetak Surat Tawaran Menduduki Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S) melalui e-mel yang sama digunakan semasa permohonan.

18. Adakah murid perlu menduduki ujian atau temu duga sebelum layak diterima masuk ke SIRAJ?

Ya. Murid wajib menduduki dan lulus dalam Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S) sebelum diterima masuk sebagai murid SIRAJ.

19. Apakah Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S)?

Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S) merupakan **satu mekanisme saringan pemilihan murid** bagi memastikan murid Tahun 1 yang dipilih memenuhi kriteria kemasukan ke Sekolah Integrasi Rendah Agama JAWI (SIRAJ). UK1S dilaksanakan menggunakan kaedah **pentaksiran standard secara berpusat** bagi menilai penguasaan asas calon dalam aspek membaca, menulis dan mengira.

- 20. Bagaimanakah pelaksanaan Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S) ini dilaksanakan?**

Ujian ini dilaksanakan **secara berpusat** pada hari, masa dan tempat yang telah ditetapkan sahaja.

- 21. Adakah tarikh Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S) boleh dipinda?**

Tidak. Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S) hanya akan dilaksanakan pada **hari dan masa yang telah ditetapkan sahaja**. Calon yang **tidak hadir** pada hari tersebut akan dikira **gagal** dan sebarang rayuan tidak akan diterima.

- 22. Apakah jenis ujian yang akan diuji semasa Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S)?**

Ujian ini mengandungi dua (2) komponen, iaitu:

(i) Ujian Bertulis

Komponen ini menguji elemen kecerdasan intelektual, penguasaan asas membaca dan menulis serta asas penyelesaian masalah diuji untuk mengukur tahap kognitif murid dalam sesuatu mata pelajaran.

(ii) Ujian Membaca

Komponen ini adalah untuk mengenal pasti kecerdasan kemahiran insaniah murid dalam aspek pembacaan teks pendek dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, tulisan Jawi dan kalimah-kalimah dari Al-Quran.

- 23. Berapakah tempoh pelaksanaan Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S)?**

Calon akan menduduki Ujian Bertulis terlebih dahulu selama **1 jam 30 minit** dan kemudian diikuti dengan Ujian Membaca pada hari yang sama.

- 24. Adakah calon wajib untuk menduduki kedua-dua ujian tersebut?**

Calon **diwajibkan** untuk menduduki kedua-dua ujian tersebut dan sekiranya calon **tidak menduduki** salah satu ujian tersebut, calon dikira **gagal**.

25. Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa sesi Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S)?

- ✓ Surat Tawaran Menduduki Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S)
- ✓ Sijil Kelahiran atau MyKid
- ✓ Alat Tulis

26. Sekiranya anak saya gagal dalam Ujian Kelayakan Tahun 1 SIRAJ (UK1S), adakah rayuan dibenarkan?

Ya, rayuan adalah dibenarkan dan keputusan selepas rayuan adalah muktamad.

27. Sekiranya anak saya ditawarkan masuk ke Tahun 1 SIRAJ, apakah persediaan pakaian atau uniform sekolah yang perlu disediakan?

- ✓ Murid diwajibkan untuk mematuhi peraturan pemakaian seperti termaktub di dalam Buku Peraturan Murid SIRAJ sedia ada.
- ✓ Uniform bagi murid lelaki ialah baju kemeja berwarna putih dan berlengan pendek, seluar panjang berwarna biru gelap, stoking hitam, kasut hitam dan bersongkok hitam.
- ✓ Uniform bagi murid perempuan pula ialah baju kurung berwarna putih, kain berwarna biru gelap, stoking hitam, kasut hitam dan tudung berwarna putih.

✓

28. Apakah medium yang akan digunakan oleh JAWI untuk memaklumkan keputusan sama ada anak saya lulus atau gagal untuk diterima masuk ke SIRAJ?

E-mel seperti mana yang digunakan semasa permohonan